

RAHSIA AL-QURAN -DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

“Al-Quran Al-Karim dan kesannya kepada bahasa, ilmu pengetahuan, masyarakat dan akhlak”

Demikian mudhuk yang telah ditulis oleh Al-Ulama Tantawi Johari tatkala mentafsirkan ayat yang ke 46 surah An-Nur, sebagaimana yang lalu keterangannya.

KESANNYA KEPADA MASYARAKAT

(oleh Abdullah Basmeh)

Turunnya Al-Quran dalam masa bangsa Arab sedang berpecah belah dan terlalu jahilnya sehingga mereka tidak putus-putusnya berbunuh-bunuhan sesama sendiri, menanam anak-anak perempuan mereka hidup-hidup dan menyembah berhala. Setelah mereka mendapat suluhan cahaya petunjuk daripada pencaraan Al-Quran Al-Karim maka mereka pun mulai bersatu padu, sekata, bersefahaman, bertolong bantu dan berpegang kukuh kepada ajaran-ajarannya sehingga mereka telah berkedudukan tinggi di bumi menjadi pemerintah yang berkedaulatan yang telah berjaya meleburkan kerajaan-kerajaan asing yang pernah menjajah mereka dan mara terus menjulang suluh bahagia dan sejahtera ke seluruh dunia.

Dalam masa mereka sedang mabuk dengan semangat kebangsaan Jahiliyah yang sempit itu maka turunlah Al-Quran lalu dihapuskannya keadaan mereka yang buruk itu dan membentuk mereka menjadi suatu umat yang baru, suatu umat yang berjihad Islam.

Kesannya Al-Quran kepada masyarakat telah menjadikan mereka suatu umat yang berhias dengan akhlak yang terpuji, berkelakuan elok, menghormati jiran, menyempurnakan janji, taat mengerjakan kebajikan, enggan mengerjakan maksiat, menahan diri daripada mencero boh, insaf, menahan derita dan menjauhkan diri daripada segala jenis perbuatan yang terkeji.

Al-Quran telah menjelaskan kepada mereka bahawa alam dan isinya adalah Tuhan menjadikan dia untuk mereka (untuk sekalian hambaNya) hanya sanya dikehendaki mereka berusaha menyingkap rahsia-rahsianya dan membongkar isi yang terkandung

di dalamnya. Menungkanlah firmanNya: “*Qul anzhoru maza fi samawati wal ardh*” (kata oleh mu Ya Muhammad (kepada umatmu bahkan kepada sekalian manusia) lihatlah kamu (kajilah, selidiklah) apa yang ada pada tujuh petala langit dan bumi).

Dalam mengerjakan ibadah maka mereka telah melebihi orang pertapaan sehingga mereka telah terkenal bersifat kuat berpegang kepada agama, beriman, yakin, beramal, cergas mengerjakan kebajikan dan menjauhkan diri daripada perasaan tamak. Walaupun demikian tingkatan rohani yang telah dapat dicapai oleh mereka tetapi tidak pula mereka membuang dunia malah telah bekerja bersungguh-sungguh dan ikhlas untuk dunia dan dengan itu maka Tuhan telah menukarkan kehinaan mereka dengan kemuliaan dan keadaan mereka yang sentiasa hidup terancam dengan aman sentiasa sehingga mereka telah menjadi suatu umat yang berpengaruh dan penuh tepu dengan ilmu pengetahuan.

Kalau tuan berasa takjub maka akan bertambah besar takjub tuan apabila dikenang bahawa kemuliaan dan ketinggian yang telah dapat dicapai oleh umat Arab telah sempurna dalam masa yang singkat, dalam masa yang hanya puluhan tahun sahaja. Ini adalah suatu bukti yang jelas bahawa hukum-hukum yang dipaparkan oleh Al-Quran adalah sebaik-baik jalan bagi menyuburkan bakat kebolehan manusia dan menjadikan dia sedia menerima dua cara, kehidupan dunia dan kehidupan rohani sebagaimana kejayaannya membentuk bangsa Arab tunduk kepada kebenaran (Islam) dan menjadi penggalang ganti bagi menegakkannya.

Jika disiasat dengan teliti kepada hukum-hukum yang terkandung dalam kitab suci Al-Quran maka akan kedapatan bahawa tidak ada suatu kekurangan melainkan Al-Quran sanggup membaikinya. Al-Quranlah tabib yang mengubati penyakit manusia. Al-Quran telah menukarkan tabiat dan akhlak bangsa Arab sehingga tidak pernah kedapatan di dalam sejarah suatu susunan masyarakat manusia seperti Islam yang telah terbentuk dalam masa permulaan Islam ketika Al-Quran menjadi suluh dan pemimpinan, yang sudah tentu susunan masyarakat yang demikian itu tidak akan dapat dibentuk oleh sebarang falsafah daripada falsafah-falsafah yang berbagai-bagai corak ragamnya itu dalam sesuatu peringkat masa.

Setelah jelas bahawa Al-Quranlah yang telah membentuk susunan masyarakat Islam yang demikian indahnyanya dalam masa yang demikian singkatannya maka tidak pelik kalau orang yang diturunkan kepadanya kitab suci itu adalah menjadi sebesar-besar “Masolah” yang tidak bertolak banding dengan dalil :

(1) Telah menjadi ketetapan hukum Allah yang Maha Kuasa mengutus kepada tiap-tiap umat dari satu ke satu masa seseorang pesuruh yang memimpin dan membaiki masyarakat umat tersebut. Biasanya cahaya petunjuk yang dibawanya itu akan berkekalan beberapa lama dan kemudian sedikit demi sedikit akan hilang sehingga hampir-hampir padam maka Tuhan akan menyelamatkan umat itu dengan diutuskan seseorang pesuruh yang lain lagi yang akan membaharui pimpinan itu.

Demikianlah masa berjalan, kurun berganti kurun dan keadaan suatu umat dengan umat yang lain masih berpecah-belah, tiap-tiap suatu umat hingga dialah umat umat yang yang lebih utama dari yang lainnya. Keadaan yang demikian buruknya sudah tentu Tuhan menghendaki terhapus dan menghendaki manusia itu menjadi pertubuhan yang satu lalu dikurniakan dengan seseorang pesuruh agung membawa pimpinan am yang tidak tertentu dengan masa dan tidak tertentu dengan tempatnya dengan dalil firmanNya:

“*Wama arsalnaka illa rahmatan lil al-‘alamin.*”

(Tidaklah Kami mengutuskan engkau (Ya Muhammad) melainkan menjadi rahmat bagi sekalian alam)

Dan firman lagi: “*Wama arsalnaka illa kafata limas*

basyiran wa nazira...”

“Tidaklah kami mengutuskan engkau (Ya Muhammad) melainkan am bagi seluruh manusia menggembirakan (orang yang beriman dengan Syurga) dan menakutkan (orang yang ingkar dengan Neraka)....”

Ada pun keadaan Rasul-rasul yang terdahulu adalah diumpamakan seperti pelita-pelita yang diletakkan tiap-tiap satunya dalam sebuah bilik yang sudah tentu cahayanya hanya menerangi bilik itu sahaja. Tetapi setelah zahirlah matahari rahmat (Muhammad) daripada Semenanjung Arab maka tidaklah ada tinggal suatu sebab yang menghendakkan pelita-pelita yang tersebut itu digunakan lagi kerana cahayanya berpereranggan dan tidak ada kesanggupkan bagi sebarang cahaya yang lain mengalahkan cahaya matahari itu.


Tiap-tiap seorang pesuruh yang telah dibangkitkan sebelum kedatangan Nabi Muhammad adalah kewajipan mereka memimpin umat masing-masing yang demikian ini adalah suatu tanggungan yang mulia, tetapi junjungan kita Muhammad (SAW) telah diutuskan menyatupadukan seluruh manusia dan menjadikan dia suatu umat yang bersatu dan terikat dengan ikatan persaudaraan.

Tiap-tiap seorang Rasul telah diutuskan membaiki akhlak yang tertentu pada kaumnya maka menjadilah hidupnya tauladan bagi umat yang telah diutuskan kerananya. Ada pun junjungan kita Muhammad (SAW) telah di bangkitkan untuk menyuburkan perasaan semula jadi seluruh manusia dan membaiki tabiatnya. Dengan demikian maka menjadilah hidup Rasulullah penuh dengan contoh tauladan yang baik dan telah terhimpun padanya segala-gala jenis kelebihan yang ada kepada Nabi-nabi yang terdahulu. Telah terhimpun kepada junjungan kita kegagahan Nabi Musa, perasaan belas Nabi Harun, kesabaran Nabi Ayub, keberanian Nabi Daud, kebesaran Nabi Sulaiman, sifat bersahaja Nabi Yahya dan perasaan belas kasihan Nabi Isa – Alaihim Al-Solat Wa al-salam.

(2) Sekiranya kebesaran itu berhasil kerana membaiki sesuatu umat yang telah rosak masyarakatnya maka tidak ada di sana yang boleh mengalahkan Muhammad yang telah menyelamatkan


Tingkwon

**Dapur Minyak Tanah
Perbuatan Amerika:
Cap Kekupu**




Muka atasnya terlengkap dengan timah sari yang kukuh:
Bersih
Ada membawa satu bauan
Kurang memakan minyak tanah.

**Lampu Pam:
Cap Bintang
Cap Kekupu
Cap Mata**



Terang dan
kurang memakan
minyak tanah.



Pembahagi Khas:

LEA HIN Co.,
231, South Bridge Road, Singapore.
Tel: 3166 - T. A. "CHINALAMP"

umat Arab daripada hancur lebur lalu membentuk mereka ayat menjadi pembina tamadun dan ilmu pengetahuan. Kalau kebesaran itu berhasil kerana jasa menyatu padukan suatu umat yang sedang bercerai dan bermusuh-musuhan maka siapakah yang dapat mengalahkan Muhammad (SAW) yang telah menyatu padukan umatnya di bawah kibaran panji-panji Islam?

Perpecahan bangsa Arab tidaklah ubahnya ibarat perpecahan pasir negara mereka maka Islam lah yang telah menyatupadukan dan menjadikan mereka suatu umat yang kuat yang tidak dapat di lihkan hati oleh gegaran gempa sekalipun. Kalau kebesaran itu berhasil kerana dapat mendirikan kerajaan Allah di bumi maka siapakah mengalahkan Muhammad (SAW) yang telah berjaya meruntuhkan segala berhala dan membersihkan Semenanjung Arab daripada perasaan syirik serta memenuhi segala hati dengan tauhid dan nur al-iman?

Kalau kebesaran itu dapat dihasilkan disebabkan pengaruh akhlak yang baik maka siapakah yang boleh menidakkan bahawa pihak kawan dan lawan telah sekata menamakan Nabi Muhammad

itu "Al-Amin" (yang kepercayaan)?

Kalau kebesaran itu berhasil disebabkan kejayaan membuka negeri dan mendirikan kerajaan maka sejarah adalah menjadi sebenar-benar saksi bahawa tidak ada seorang pun yang dapat mencapai sebagaimana yang telah dicapai olehnya itu. Tidakkah ia telah berjaya menjadi pembuka negeri-negeri yang besar dan pengasas sebesar-besar kerajaan yang telah berkekalan menentang segala tipu daya segala musuh-musuh Islam selama lebih tiga belas kurun datang sekarang ini?

Kalau kebesaran berhasil disebabkan seseorang itu ternama dan gah masyhur maka siapakah yang dapat mengalahkan kemasyhuran Nabi Muhammad yang dikasihi dan disanjung tinggi oleh lebih daripada umat ratus million umatnya yang bertaburan di seluruh dunia dan yang sedia terikat dengan ikatan persaudaraan sekalipun mereka berlainan bangsa, warna kulit dan bahasanya?

(dalam keluaran akan datang akan disiarkan; "Al-Quran Al-Karim dan kesannya kepada akhlak dan ilmu pengetahuan")